



**LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA  
(KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA)**

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada **warganegara Malaysia** yang berkelayakan dan **berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh iklan ditutup** bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:

<b>1.</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>: PENOLONG PENGARAH (GRED E41) - PEREKA GRAFIK</b>
	<b>TARAF JAWATAN</b>	<b>: KONTRAK</b>
	<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	: Ekonomi
	<b>SKIM PERKHIDMATAN</b>	: Pegawai Ehwal Ekonomi
	<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	: Pengurusan dan Profesional
	<b>PENEMPATAN</b>	: Ibu Pejabat Tourism Malaysia
	<b>GAJI MINIMUM</b>	: RM2,083.00
	<b>IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM</b>	: RM300.00 sebulan
	<b>IMBUHAN TETAP PERUMAHAN</b>	: RM300.00 sebulan
	<b>BANTUAN SARA HIDUP</b>	: RM300.00 sebulan

**2. SYARAT LANTIKAN**

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred E41: **RM2,083.00**);

- ii. Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred E41: **RM2,286.57**);
  
- d) Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai **Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk Grafik/Multimedia/Seni Bina**.
- e) Mempunyai **pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang reka bentuk grafik/multimedia/seni bina**.
- f) Berkemahiran menggunakan perisian Adobe Creative Cloud, Adobe Photoshop, Adobe Illustrator, Adobe InDesign dan 3D SketchUp.
- g) Mempunyai asas dalam bidang fotografi.
- h) Calon hendaklah mengemukakan sekurang-kurangnya **satu (1) portfolio kerja kreatif yang pernah dihasilkan**.
- i) Mempunyai tahap kreativiti yang tinggi dan mampu bekerja di bawah tekanan serta penyeliaan yang minimum.

### **3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **4. DESKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab:

- i. Membantu melaksanakan konsep, rekabentuk dan susun atur risalah.
- ii. Membantu memberi cadangan dan menyemak kerja-kerja penerbitan dan percetakan kerja-kerja, termasuk kerja yang dikemukakan oleh agensi – agensi luar.
- iii. Pemilihan imej-imej untuk kegunaan penerbitan risalah.
- iv. Memberi cadangan semasa sesi pengambaran bagi imej-imej berkaitan penerbitan risalah.
- v. Menyemak proses percetakan.

## 5. ARAHAN DAN CARA MEMOHON

- (a) (i) Permohonan hendaklah menggunakan **Borang LPPM-1** yang boleh didapati melalui link berikut:  
[http://www3.tourism.gov.my/corporate/borang\\_pereka\\_grafik.pdf](http://www3.tourism.gov.my/corporate/borang_pereka_grafik.pdf)
- (ii) Sila *print* dan lengkapkan maklumat. Borang yang telah lengkap maklumat hendaklah dikemukakan ke Unit Pengurusan, Bahagian Sumber Manusia sebelum tarikh tutup permohonan.
- (iii) Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 23cm x 32cm dan disudut sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis nama jawatan yang dimohon.
- (iv) Borang permohonan hendaklah dikemukakan kepada alamat berikut :

**Tourism Malaysia  
Bahagian Sumber Manusia  
Aras 9, No. 2, Menara 1  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
(U.P. Unit Pengurusan)**

- (ii) **Bagi calon dalaman, pemohon dikehendaki mengemukakan ulasan Pegawai Penyelia (berdasarkan LNPT) dengan sokongan Pengarah Bahagian berdasarkan format yang diberikan. Ulasan & sokongan ini hendaklah dimasukkan di dalam sampul surat berukuran 4½ x 9¾ (sampul surat tidak bertingkap) dan dilakri serta dikepil menggunakan dawai kokot (stapler) di borang permohonan.**

**Sampul surat hendaklah ditulis ULASAN & SOKONGAN. Markah Nilaian Prestasi tidak perlu dikemukakan.**

- (b) Pemohon perlu menyertakan dokumen-dokumen yang lengkap dan diakui sah benar oleh pegawai dari **Kumpulan Pengurusan dan Profesional** berdasarkan senarai semak yang dikemukakan bersama-sama borang permohonan. Dokumen hendaklah mengikut susunan di dalam senarai semak berkenaan.
- (c) Gambar yang dikemukakan hendaklah menggunakan gambar passport terkini. Selain daripada gambar passport tidak dibenarkan.
- (d) Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan jabatan/agensi Kerajaan perlu menghantar permohonan melalui ketua jabatan masing-masing mengikut Perintah Am, Bab 'A' iaitu mengemukakan salinan terkini Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tempoh tiga (3) tahun.

- (e) **Bagi pemegang Ijazah Sarjana Muda daripada Institut Pengajian Tinggi Swasta/Luar Negara, perlu mengemukakan sesalinan pengiktirafan dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Pemohon boleh melayari laman web <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/>**
- (f) Tarikh tutup permohonan ialah pada **20 Januari 2020 (Isnin) sebelum jam 5.30 petang.**

## **6. CATATAN AM**

- (a) Sebarang permohonan yang **tidak lengkap atau lewat** tidak akan dipertimbangkan dan akan dianggap tidak berjaya.
- (b) Calon yang berjaya melepassi tapisan kelayakan akan dimaklumkan **secara rasmi melalui surat** untuk panggilan sesi temu duga.
- (c) Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh **tiga (3) hingga enam (6) bulan** selepas daripada tarikh iklan ditutup, permohonan tuan/puan adalah **tidak berjaya**.
- (d) Sebarang pertanyaan boleh menghubungi pegawai berikut:
  - (i) Puan Adibah Mohd Basri - 03-8891 8962
  - (ii) Cik Siti Salwah Othman - 03-8891 8908
  - (iii) Puan Nor'azila Roselan - 03-8891 8063

\*\*\*\*\* SEKIAN, TERIMA KASIH \*\*\*\*\*